



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (29)

Tarikh: 5 Mei 2026

DYTM RAJA MUDA SELANGOR BERKENAN MELAWAT DENAI HIJAU @ LENGKOK GOLF SS7 SEMPENA PROGRAM GAGASAN RUMPUN SELANGOR 2026

Petaling Jaya, 5 Mei 2026 – Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj telah berkenan berangkat mencemar duli ke Denai Hijau @ Lengkok Golf SS7, Kelana Jaya hari ini sempena Program Gagasan Rumpun Selangor 2026 (GRS 2.0).

Keberangkatan tiba Baginda bersama Yang Mulia Datin Paduka Seri Afzaa Fadini binti Dato' Abdul Aziz telah disambut oleh YBrs. Tuan Aznan bin Hj. Hassan, Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, YBhg. Datuk Lamien bin Sawiyo, Pengerusi KRT Lengkok Golf SS7 serta barisan pengurusan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Lawatan tersebut mencerminkan sokongan berterusan institusi diraja terhadap inisiatif pembangunan komuniti dan pemeraksanaan ruang awam yang memberi manfaat kepada penduduk setempat.

Denai Hijau @ Lengkok Golf SS7 merupakan cadangan projek pembangunan koridor hijau bandar yang melibatkan kerja menaik taraf kawasan rizab saluran monsun (monsoon drain) di Jalan SS7/9, Kelana Jaya kepada ruang rekreasi komuniti yang lebih aktif, selamat dan mesra pengguna.

Cadangan pembangunan itu merangkumi pembinaan laluan pejalan kaki dan *jogging track* sepanjang kira-kira 400 meter, penyediaan ruang santai komuniti, pemasangan pencahayaan serta elemen keselamatan, di samping mengekalkan ekosistem semula jadi dan habitat biodiversiti sedia ada di kawasan berkenaan.

Projek ini dilaksanakan berteraskan konsep *placemaking*, iaitu pendekatan kolaboratif dalam merancang, mereka bentuk dan mengurus ruang awam dengan mengambil kira keperluan, aspirasi serta identiti komuniti setempat. Pendekatan tersebut turut memberi penekanan kepada penglibatan komuniti dalam mewujudkan ruang yang lebih inklusif dan berfungsi untuk kegunaan bersama.

Bagi memastikan cadangan pembangunan memenuhi keperluan penduduk, satu sesi libat urus bersama komuniti setempat telah diadakan pada 19 April 2026 di The Spine @ PJ Kita, Kelana Jaya.

Sesi tersebut bertujuan mendapatkan pandangan dan maklum balas komuniti terhadap cadangan reka bentuk projek selain memupuk rasa pemilikan (sense of ownership) dalam kalangan penduduk selaras dengan prinsip *people-centric* dan *participatory planning*.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil

Cadangan awal pelaksanaan projek telah dibentangkan oleh Dr. Raja Norashekin binti Raja Othman, Pensyarah Perancangan Bandar, Universiti Teknologi MARA (UiTM), yang mengetengahkan pendekatan pembangunan bandar berasaskan kesejahteraan komuniti dan kelestarian alam sekitar.

Projek Denai Hijau ini dijangka siap sepenuhnya pada **Oktober 2026** dan bakal menjadi antara inisiatif MBPJ dalam memperkukuh agenda pembangunan bandar mampan, inklusif serta berorientasikan komuniti.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil,
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (30)

Tarikh: 6 Mei 2026

SITUASI BENCANA HUJAN LEBAT DAN BANJIR KILAT DI KAWASAN PETALING JAYA

Petaling Jaya, 6 Mei 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memaklumkan bahawa beberapa kejadian bencana melibatkan banjir kilat, pokok tumbang dan tanah runtuh telah dilaporkan susulan hujan lebat berterusan di kawasan Petaling Jaya pada hari ini.

Antara kawasan yang terjejas termasuk Medan Selera 223, PJS 2/3, PJS 4/21B, PJS 6, Jalan 17/21H serta Taman Buana Perdana. Kesemua lokasi yang mengalami banjir kilat dilaporkan telah surut sepenuhnya pada jam 8.43 malam.

Selain itu, beberapa insiden pokok tumbang turut dilaporkan di sekitar Jalan Barat (Wisma Daju), Jalan PJU 8/3A, Jalan Templer serta belakang Restoran Sederhana, Seksyen 8. Kesemua insiden berkenaan sedang dan telah diambil tindakan oleh pasukan teknikal MBPJ.

Bagi insiden tanah runtuh di Seksyen 20/14, hasil pemeriksaan awal mendapati berlaku kegagalan cerun yang melibatkan struktur longkang dan memerlukan tindakan pembaikan segera.

MBPJ telah menggerakkan Skuad Pantas serta unit teknikal berkaitan bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan, pemantauan dan pengurusan risiko di semua lokasi terlibat.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan agar sentiasa berhati-hati, mengelakkan kawasan terjejas, serta tidak meredah jalan yang dinaiki air bagi mengelakkan risiko keselamatan. MBPJ juga menasihatkan orang awam supaya tidak menghampiri kawasan longkang besar dan sungai berikutan arus air yang deras.

MBPJ akan terus memantau keadaan semasa dan memaklumkan perkembangan terkini dari semasa ke semasa.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media

Unit Komunikasi Korporat,

Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),

emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (31)

Tarikh: 7 Mei 2026

HUJAN LUAR BIASA CETUS BANJIR KILAT DI PETALING JAYA, MBPJ PERGIAT TINDAKAN TEBATAN DAN PEMULIHAN

Petaling Jaya, 7 Mei 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memandang serius kejadian banjir kilat yang telah menjejaskan beberapa kawasan di bawah pentadbiran Majlis susulan hujan lebat yang berlaku semalam.

PUNCA KEJADIAN DAN ANALISIS TEKNIKAL

Hasil pemantauan mendapati kejadian ini berpunca daripada taburan hujan yang sangat tinggi bermula dari kawasan hulu (upstream) di Kuala Lumpur. Bacaan hujan direkodkan melebihi 60 milimeter (mm) dalam tempoh singkat yang diklasifikasikan sebagai hujan sangat lebat (violent shower).

Situasi ini menyebabkan Sungai Penchala gagal menampung volum aliran air yang luar biasa, ditambah dengan fenomena aliran balik (backflow) dari Sungai Klang yang telah mencapai kapasiti maksimum, sekali gus menjejaskan keupayaan sistem saliran bandar untuk mengalirkan air secara optimum.

KAWASAN TERJEJAS

Kawasan yang dikenal pasti mengalami limpahan air termasuklah lokaliti sepanjang koridor Sungai Penchala (Seksyen 51, 17, dan 19) serta kawasan berhampiran Sungai Klang yang melibatkan Taman Medan, Sri Manja dan Buana Perdana.

TINDAKAN SEGERA DAN RESPONS PANTAS

MBPJ melalui Skuad PANTAS telah digerakkan serta-merta semasa kejadian bagi melakukan penutupan jalan-jalan kritikal demi keselamatan pengguna.

Bagi fasa pasca-banjir, kerja-kerja pembersihan sisa banjir telah dijalankan oleh pihak KDEB Waste Management di bawah kawasan seliaan Majlis.

Pada masa sama, MBPJ juga telah mewujudkan saluran komunikasi dua hala melalui aplikasi WhatsApp bersama komuniti setempat, termasuk wakil peniaga Jalan 223, bagi penyaluran maklumat paras air Sungai Penchala secara waktu nyata atau *real-time*.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://www.instagram.com/pjcitycouncil)

STRATEGI TEBATAN BANJIR JANGKA PANJANG

Bagi meminimumkan risiko berulang, MBPJ dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah merangka pelan tindakan yang merangkumi:

- i. **Infrastruktur Fizikal:** Pembinaan tembok banjir *floodwall* di sepanjang kawasan kritikal Sungai Penchala oleh JPS;
- ii. **Inovasi Saliran:** Pemasangan Sistem Kawalan Limpahan Sungai (SKaLiS) di setiap *outlet* parit utama serta pemasangan *flapgate* pada *outlet* kecil yang menuju ke Sungai Klang;
- iii. Pelepasan air di setiap premis tidak disalurkan secara terus (direct discharge) ke dalam sungai.

Orang awam juga dinasihatkan supaya sentiasa peka terhadap amaran cuaca semasa serta mematuhi arahan pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (32)

Tarikh: 10 Mei 2026

MBPJ PERGIAT TINDAKAN TANGANI BANJIR KILAT JALAN 223

Petaling Jaya, 10 Mei 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menegaskan komitmen berterusan dalam menangani isu banjir kilat di Jalan 223 serta kawasan sepanjang Sungai Penchala menerusi pelaksanaan tindakan segera, langkah mitigasi proaktif dan penyelarasan bersepadu bersama agensi berkaitan demi menjaga keselamatan serta kebajikan penduduk dan peniaga terjejas.

Susulan kejadian banjir kilat yang berlaku pada 6 Mei 2026, MBPJ telah melaksanakan pemantauan rapi di lokasi berisiko selain mempertingkatkan kesiapsiagaan operasi bagi mengurangkan impak terhadap kawasan terlibat.

Hasil semakan awal mendapati kejadian tersebut berpunca daripada taburan hujan luar biasa tinggi bermula dari kawasan hulu di Kuala Lumpur yang menyebabkan peningkatan mendadak paras air Sungai Penchala sehingga berlaku limpahan ke kawasan sekitar termasuk Jalan 223.

Dalam masa yang sama, kerja-kerja pembaikan tebing sungai yang sedang dijalankan turut dikenal pasti menyebabkan penyempitan aliran air (bottleneck) di bahagian hilir berhampiran kawasan *showroom* Mercedes, sekali gus menjejaskan kelancaran aliran air ketika hujan lebat dan mempercepatkan kejadian limpahan.

Bagi memastikan isu ini ditangani secara menyeluruh, MBPJ telah mengadakan lawatan tapak melibatkan jabatan teknikal MBPJ, Ahli Majlis Zon 14, En. Asogan a/l Subramaniam, wakil penaja Gerai Selera Jaya 223 serta pihak kontraktor pada 8 Mei 2026 bagi menyelaraskan tindakan susulan di lokasi terjejas.

MBPJ turut berkoordinasi rapat bersama bagi mempercepat pelaksanaan tindakan teknikal dan penambahbaikan sistem saliran di kawasan berkaitan.

Pihak JPS Selangor telah mengarahkan pihak pemaju supaya mengangkat jambatan besi sementara serta membetulkan ketinggian lantai jambatan dan kedudukan struktur bagi mengelakkan aliran air sungai memasuki semula sistem perparitan MBPJ (backflow).

Selain itu, pihak pemaju turut diarahkan mengemukakan dengan segera pelan cadangan naik taraf longkang Parit Hujan Lebat (PHL) di bahagian *upstream* dan *downstream* untuk semakan serta kelulusan sebelum kerja-kerja pelaksanaan dimulakan.

Pemaju juga dikehendaki melaksanakan kerja naik taraf PHL di bahagian *upstream* sistem perparitan di sebahagian Jalan 227 iaitu di pintu belakang Gerai Selera Jaya 223.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Pada masa sama, MBPJ telah melaksanakan beberapa langkah mitigasi segera termasuk pembersihan halangan di laluan air, penambahbaikan aliran sementara dan pemantauan berterusan di kawasan kritikal khususnya ketika hujan lebat bagi memastikan tindakan pantas dapat diambil sekiranya berlaku peningkatan paras air.

Sebagai langkah kesiapsiagaan tambahan, MBPJ turut mengintegrasikan penggunaan sistem pintar *water level sensor* bersama kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi berisiko bagi mengesan kenaikan paras air sungai secara masa nyata. Sistem tersebut akan mengaktifkan siren amaran awal sebagai peringatan kepada peniaga dan orang awam supaya langkah keselamatan segera dapat diambil.

Prihatin terhadap kesan yang ditanggung peniaga terlibat, MBPJ juga bersetuju memberikan pengecualian bayaran sewa selama dua bulan bagi tempoh Mei hingga Jun 2026 kepada peniaga Gerai Selera Jaya 223 yang terkesan akibat kejadian banjir kilat tersebut.

MBPJ akan terus memperkukuh kerjasama strategik bersama JPS, pihak pemaju dan agensi berkaitan bagi memastikan pelaksanaan penyelesaian jangka panjang yang lebih komprehensif dan bersepadu demi mengurangkan risiko kejadian banjir berulang di kawasan berkenaan.

Orang awam turut dinasihatkan agar sentiasa berwaspada terutama ketika hujan lebat serta segera melaporkan sebarang kejadian banjir kepada pihak berkuasa bagi membolehkan tindakan pantas diambil demi keselamatan semua pihak.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (33)

Tarikh: 10 Mei 2026

BERMAIN SAMBIL BELAJAR: MBPJ RASMI PJ “TOY LIBRARY”, PERKASA BANDAR MESRA KANAK-KANAK

Petaling Jaya, 10 Mei 2026 – YBhg. Datuk Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya, hari ini merasmikan **Perpustakaan Permainan “Toy Library” @ Pangsapuri Petaling Perdana, Jalan PJS 1/21, Taman Petaling Utama dan Apartment Desa Mutiara, Jalan PJU 7/15B, Mutiara Damansara** sebagai sebahagian daripada komitmen Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dalam memperkukuh agenda **Bandar Mesra Kanak-Kanak** di bandar raya ini.

Dalam ucapannya, beliau berkata inisiatif tersebut merupakan sebahagian daripada usaha berterusan MBPJ dalam melaksanakan agenda **Child Friendly Cities Initiative (CFCI)** bersama **Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF)** bagi mewujudkan persekitaran bandar yang lebih inklusif, selamat dan kondusif untuk perkembangan kanak-kanak.

Menurut beliau, konsep “Toy Library” berteraskan pendekatan **“bermain adalah pembelajaran”** yang mengiktiraf aktiviti bermain sebagai medium penting dalam perkembangan kognitif, sosial dan emosi kanak-kanak.

“Toy Library bukan sekadar ruang permainan, tetapi platform pembinaan komuniti yang membolehkan kanak-kanak belajar berkongsi, berinteraksi dan membina keyakinan diri, di samping mengeratkan hubungan kejiwaan,” katanya.

Beliau turut menjelaskan bahawa pembangunan “Toy Library” tersebut dilaksanakan menerusi pendekatan partisipatif komuniti melalui sesi libat urus bersama penduduk, ibu bapa serta kanak-kanak setempat. **Ahli Majlis Kanak-Kanak Petaling Jaya (PJ Child Council)** juga memainkan peranan penting dalam proses mereka bentuk konsep perpustakaan permainan berkenaan.

“Toy Library” @ Apartment Desa Mutiara merupakan “Toy Library” kelima yang dibangunkan bersama komuniti di Petaling Jaya. Sebelum ini, MBPJ telah membangunkan kemudahan sama di **Apartment Idaman, Damansara Damai, PPR Lembah Subang 2, Flora Damansara** serta **Pangsapuri Petaling Perdana, PJS 1/21**.

Bagi memperluaskan manfaat inisiatif tersebut, MBPJ turut merancang membangunkan tiga lagi “Toy Library” baharu tahun ini di **Blok 3 Flat Desa Mentari, Flat PKNS Taman Dato’ Harun** serta **Flat Desaria Fasa 5A dan 5B**.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Menurut beliau, sesi libat urus bersama komuniti di Desa Mentari dan Taman Dato' Harun juga telah berjaya dilaksanakan, sekali gus mencerminkan komitmen tinggi komuniti dalam menjayakan agenda pembangunan bandar mesra kanak-kanak di Petaling Jaya.

Beliau berharap kemudahan "Toy Library" ini dapat menjadi medium pembangunan sahsiah dan kreativiti kanak-kanak melalui aktiviti pembelajaran interaktif dalam suasana yang kondusif dan menyeronokkan. Inisiatif tersebut juga diyakini mampu memperkukuh hubungan komuniti setempat serta memupuk budaya kejiwaan yang lebih aktif, prihatin dan harmoni.

MBPJ turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan projek tersebut termasuk Encik Chan Pak Keung, Ahli Majlis MBPJ Zon 2, Pn. Norah binti Mansor, Ahli Majlis MBPJ Zon 17, rakan strategik Cotton Space PLT, jawatankuasa penduduk, sukarelawan, ibu bapa serta kanak-kanak yang menyumbang idea dan pandangan sepanjang pelaksanaan projek berkenaan.

Majlis perasmian turut dihadiri Y.B. Pua Pei Ling, Ahli Dewan Negeri Bukit Lanjan, barisan Ahli-ahli Majlis MBPJ, ketua jabatan dan pegawai kanan MBPJ serta wakil komuniti setempat.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (34)

Tarikh: 13 Mei 2026

MBPJ ANJUR MAJLIS TAMAT LATIHAN SKUAD 126, PERKASA KECEKAPAN PENGUATKUASAAN

Petaling Jaya, 13 Mei 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) terus komited memperkasa kecekapan Jabatan Penguatkuasaan apabila seramai 19 anggotanya berjaya menamatkan Kursus Asas Penguat Kuasa Skuad 126 selepas menjalani latihan intensif selama empat bulan.

Majlis Tamat Latihan Kursus Asas Penguat Kuasa Skuad 126 yang berlangsung di perkarangan tempat letak kereta Dewan Sivik MBPJ telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya.

Kursus berkenaan melibatkan penyertaan 18 Pembantu Penguat Kuasa dan seorang Penolong Pegawai Penguat Kuasa yang bakal menjadi pelapis baharu dalam memperkukuh pelaksanaan penguatkuasaan di bandar raya Petaling Jaya.

Penganjuran program itu turut mencatat signifikan tersendiri memandangkan kali terakhir program seumpamanya diadakan adalah pada tahun 2018 menerusi Tamat Latihan Skuad 118.

Sepanjang tempoh latihan, para pelatih didedahkan dengan pelbagai modul merangkumi kawad kaki, kecergasan fizikal, penguatkuasaan undang-undang, prosedur operasi standard (SOP), pengendalian konflik, komunikasi, integriti, disiplin serta kepimpinan bagi melahirkan anggota yang kompeten dan bersedia menghadapi cabaran tugas di lapangan.

Sebagai simbol semangat kebersamaan dan solidariti pasukan, seramai 14 anggota penguat kuasa sedia ada turut menyertai formasi perbarisan selain bertindak sebagai mentor kepada para pelatih sepanjang latihan dan persiapan kawad kaki.

MBPJ menegaskan aspek integriti, profesionalisme dan kecekapan perlu terus menjadi teras dalam membentuk pasukan penguat kuasa yang diyakini masyarakat selari dengan keperluan bandar raya yang semakin dinamik dan kompleks. Dalam masa sama, pendekatan penguatkuasaan berhemah dan mesra masyarakat akan terus diperkasakan menerusi penggunaan teknologi serta kerjasama strategik bersama pelbagai agensi berkaitan.

MBPJ turut merakamkan penghargaan atas komitmen dan kerjasama erat yang diberikan oleh rakan-rakan strategik sepanjang tahun 2025 hingga 2026 dalam memperkukuh pelaksanaan penguatkuasaan di bandar raya Petaling Jaya.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Sepanjang tahun 2025, sebanyak 57 operasi bersepadu berjaya dilaksanakan bersama pelbagai agensi dan pihak berkepentingan bagi memastikan tindakan penguatkuasaan dapat dijalankan secara lebih menyeluruh, berkesan dan terkoordinasi.

Jabatan Penguatkuasaan MBPJ juga terus mencatat pencapaian memberangsangkan menerusi pelaksanaan beberapa inisiatif dan *signature project* yang memberi impak langsung kepada kesejahteraan komuniti. Antaranya termasuk pelaksanaan rangka kerja 'PJ Watch' yang memfokuskan usaha membanteras isu pembuangan sampah haram di sekitar Petaling Jaya melalui pendekatan penguatkuasaan, pendidikan awam serta penglibatan komuniti secara menyeluruh.

Selain itu, MBPJ turut memperkukuh aspek keselamatan komuniti menerusi Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) melalui pemberian geran keselamatan kepada Persatuan Penduduk (RA), Rukun Tetangga (RT), Badan Pengurusan Bersama (JMB) serta Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bagi melaksanakan pelbagai inisiatif dan aktiviti berkaitan keselamatan di kawasan komuniti masing-masing.

Pada majlis sama, penghargaan turut diberikan kepada jurulatih, fasilitator dan urus setia yang menjayakan kursus berkenaan termasuk agensi kerajaan yang terlibat dalam menjayakan istiadat tamat latihan tersebut.

MBPJ yakin barisan anggota baharu itu mampu menggalas amanah penguatkuasaan dengan penuh disiplin, kredibiliti dan tanggungjawab demi memastikan kesejahteraan serta keharmonian bandar raya Petaling Jaya terus terpelihara.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (35)

Tarikh: 15 Mei 2026

MBPJ AMBIL TINDAKAN PENGUATKUASAAN TERHADAP AKTIVITI PENCEROBOHAN TANAH DAN PERTANIAN HARAM

Petaling Jaya, 15 Mei 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memandang serius laporan media berhubung aktiviti pencerobohan tanah dan penerokaan kebun haram yang dipercayai melibatkan warga asing di kawasan lapang Urban Park 3 (Damai Belantara), Jalan PJU 10 Damansara Damai seperti yang dilaporkan baru-baru ini.

MBPJ menegaskan bahawa sebarang bentuk pencerobohan tanah kerajaan, rizab awam atau kawasan yang tidak dibenarkan bagi tujuan pertanian merupakan satu kesalahan yang melanggar peruntukan undang-undang.

Aktiviti penerokaan haram ini bukan sahaja menjejaskan aspek kebersihan, keselamatan dan kelestarian alam sekitar, malah berpotensi mengganggu sistem perparitan, menyebabkan hakisan tanah, kerosakan infrastruktur awam serta mencetuskan kewujudan penempatan tidak terkawal di kawasan terlibat.

Sehubungan itu, Majlis telah mengambil tindakan penguatkuasaan dengan menutup kawasan berkenaan serta meningkatkan pemantauan di bawah peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 - Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) 2005. Tindakan susulan akan diambil selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

MBPJ tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang didapati terlibat dalam aktiviti pencerobohan, pembinaan haram atau penggunaan tanah secara tidak sah yang boleh menjejaskan kepentingan awam serta kesejahteraan penduduk setempat.

Orang awam yang mempunyai maklumat berkaitan aktiviti pencerobohan tanah atau penerokaan haram disaran menyalurkan aduan rasmi kepada pihak berkuasa bagi membolehkan siasatan dan tindakan segera diambil.

Dalam masa yang sama, MBPJ turut mengingatkan pemilik tanah persendirian agar tidak sewenang-wenangnya menyewakan atau membenarkan penggunaan tanah kepada mana-mana pihak tanpa kelulusan dan pemantauan sah pihak berkuasa.

MBPJ komited memastikan tadbir urus bandar terus dilaksanakan secara teratur, selamat dan mematuhi lunas perundangan demi memelihara kesejahteraan serta kepentingan seluruh warga Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media

Unit Komunikasi Korporat,

Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)